

Headline	BPR rekod jualan melebihi sasaran		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	42	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	348 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,878
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,634



## BPR rekod jualan melebihi sasaran

**TEMERLOH 6 Sept.** - Tidak sampai 10 minit sebanyak 50 kilogram ikan termasuk ikan kembong dan ikan tongkol habis dijual di Bazar Peduli Rakyat (BPR) Temerloh sempena pelancaran bazar berkenaan hari ini.

Ikan kembong dijual dengan harga RM5 berbanding harga asal RM10 manakala ikan tongkol seberat ham-pir dua kilogram dijual dengan harga hanya RM8 seekor berbanding kira-kira RM14 sekilogram di pasaran.

Selain itu, juga pelbagai barang keperluan lain turut dijual dengan harga murah termasuklah sayur-sayuran yang dijual dengan harga hanya 50 sen seikat.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Ishak Ismail berkata, kewujudan BPR yang antara objektifnya menawarkan harga murah berjaya mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat setempat.

Beliau berkata, ini dapat dilihat apabila sebanyak enam BPR yang dilancarkan sebelum ini mencapai rekod jualan melebihi sasaran ditetapkan sebanyak RM30,000.

"Alhamdulillah setakat ini prestasi jualan sangat menggalakkan yang mana semalam sahaja di Terengganu, kita merekodkan jualan RM58,000 melebihi sasaran RM30,000 walau-pun jualan adalah dengan harga mu-rah."

"Jadi bila kita melihat sambutan



**MOHD. ANUAR TAHIR (dua dari kiri) dan Ishak Ismail (kiri) melihat ikan segar selepas Majlis Pelancaran Bazar Peduli Rakyat@MY Best Buy Temerloh di perkarangan Masjid Temerloh Jaya, Pahang, semalam.**

baik, kita akan menjadikan BPR sebagai bazar tetap bulanan selain memperluaskan lagi bazar ini di seluruh negara dan kita sasar semua negeri akan mempunyai BPR tahun ini," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Bazar Peduli Rakyat@MY Best Buy Temerloh di pekarangan Masjid Temerloh Jaya di sini hari ini.

Yang hadir sama, Timbalan Menteri Kerja Raya, Mohd. Anuar Tahir; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Mentakab, Woo Chee Wan dan Pegawai Daerah Temerloh, Datuk Razihan Azharuddin.

Ishak berkata, pada masa ini, BPR sudah dilancarkan di tujuh negeri iaitu Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Kelantan, Terengganu, Selangor dan

Pahang.

Katanya, pihaknya menyasarkan sebanyak 500 BPR akan dapat dibuka di seluruh negara termasuklah di semua Dewan Undangan Negeri pada 2021 dengan sasaran melahirkan kira-kira 2,000 usahawan.

Dalam pada itu, beliau berkata, kewujudan BPR dilihat dapat memberikan sumbangan signifikan dalam mencapai sasaran jualan semua urusniaga FAMA pada tahun ini sebanyak RM3.25 bilion.

"Keseluruhan jualan kita rekod tahun lepas adalah RM2.98 bilion dan tahun ini kita sasarkan RM3.25 bilion dihasilkan melalui urusniaga semua aktiviti FAMA yang mana BPR akan turut menyumbangkan jualan," katanya.